

“Hari Minggu Firman Tuhan” untuk menggantikan “Hari Minggu Alkitab” dari 2021 dan seterusnya

Konsili Vatikan Kedua dan pengumuman *Dei Verbum*, Konstitusi Dogmatik tentang Wahyu Ilahi pada tahun 1965 memberikan dorongan yang besar bagi penekanan semula firman Tuhan. Mengingat dorongan ini dan juga peningkatan kesedaran akan Kitab Suci sebagai sumber pembaharuan rohani, Alkitab dalam beberapa dekad terakhir ini terus mendapat perhatian umat Katolik.

Umat Katolik di wilayah kita di Malaysia, Singapura dan Brunei sejak 20 tahun kebelakangan ini merayakan Hari Minggu Alkitab setiap tahun pada bulan Julai – suatu peristiwa yang mana Konferensi Para Uskup di wilayah kita telah memberi kepercayaan kepada Komisi Alkitab Sewilayah. Selama lebih dari 20 tahun, dokumen atau mesej tahunan telah dihasilkan, kursus Alkitab bertaraf diploma telah dirancang dan diajarkan secara lokal dan banyak inisiatif di peringkat keuskupan dan paroki telah dipromosikan agar umat Katolik belajar untuk mengasihi dan menghayati Alkitab dalam kehidupan seharian mereka.

Walaupun demikian, harus diakui bahawa di sebalik semua usaha kita, “*majoriti umat Katolik masih belum mengenali Kitab Suci. Bagi kebanyakan mereka, satu-satunya masa di mana mereka mendengar firman Tuhan ialah ketika mereka menghadiri Misa Kudus*” (*Aperuit Illis*, §5). Oleh itu, sementara kita tidak ingin meremehkan kemajuan yang dicapai sejauh ini, kita perlu meneruskan misi mengajak semua umat Katolik ke dalam hubungan yang diperbaharui dengan Firman Tuhan, bukan hanya sebagai buku semata-mata tetapi sebagai Firman Tuhan yang aktif dan hidup dalam kehidupan seharian kita. Kita perlu menolong setiap umat Katolik untuk memperdalamkan penghargaan, kasih dan kesaksian mereka yang setia kepada Tuhan dan Firman-Nya.

Oleh itu, sungguh menggembirakan bahawa inisiatif kita bersama secara lokal bersama dengan banyak keuskupan dan keuskupan agung lain di seluruh dunia Katolik kini telah memberikan perhatian secara universal kepada “**Hari Minggu Firman Tuhan**” yang diwujudkan melalui Surat Apostolik Paus Fransiskus, *Motuproprio* “***Aperuit illis***”, diterbitkan pada 30 September 2019, pada Pesta Sto. Hieronimus. Walaupun sebelumnya kita mengadakan perayaan Hari Minggu Alkitab secara lokal pada bulan Julai. Paus telah memutuskan bahawa “Minggu Ketiga dalam Minggu Biasa (pada bulan Januari) adalah dikhususkan bagi perayaan, pembelajaran dan penyebaran Firman Tuhan” (*Aperuit Illis*, § 3).

Pada Perhimpunan Pleno ke-105 mereka pada Januari 2020, Konferensi Para Uskup Katolik Malaysia, Singapura dan Brunei memutuskan bahawa, mulai tahun 2021, Hari Minggu Firman Tuhan akan menggantikan Hari Minggu Alkitab, namun Pandemi Covid-19 menyebabkan tidak banyak yang dapat dilakukan selain menyampaikan mesej seperti yang biasa kita lakukan.

Tentu sahaja, secara lokal, kita harus menyesuaikan perancangan kita sesuai dengan masa hari Minggu Firman Tuhan, yang kita rayakan pada awal tahun, terutama dengan tahun persekolahan baru sahaja dimulai dan Sekolah Minggu/Sesi Katekismus yang

memacu banyak aktiviti Minggu Alkitab, juga baru bermula. Perubahan ini pada mulanya terbukti mencabar, bahkan sukar, untuk mengatur hari/hujung minggu itu sendiri.

Sehubungan dengan itu, hari Minggu Firman Tuhan harus dilihat sebagai batu loncatan untuk mengumumkan pelbagai kegiatan mengenai Kitab Suci yang dirancang untuk tahun itu dan bukannya dilakukan pada suatu hari tunggal di mana semuanya dirangkum dalam masa sehari. Bagaimanapun, Firman Tuhan harus dibaca dan dihayati setiap hari dalam setahun. Kita mesti menghargai nilai unggul yang dimiliki oleh Firman Tuhan dalam kehidupan seharian kita. Didasarkan dan dibentuk oleh Firman, kita kemudian akan dapat menjalankan misi kita untukewartakan Khabar Baik sehingga ke hujung bumi (Matius 28: 18-20, Kisah 1: 8).

Meskipun hal ini telah menjadi bahagian utama daripada program promosi Alkitab kita pada masa lalu, berikut adalah senarai beberapa cadangan dari Paus Fransiskus dalam (*Aperuit illis*, §3) untuk merayakan hari Minggu Firman Tuhan:

1. Mentakhtakan Kitab Suci.
2. Memberi penekanan kepada pewartaan Firman Tuhan.
3. Memberi penekanan yang sepatutnya bagi firman Tuhan dalam homili.
4. Mengadakan Pelantikan para Lektor atau pengutusan para Pembaca.
5. Memberi latihan untuk para Pembaca.
6. Menghadihkan Alkitab, atau salah satu dari kitabnya, kepada semua orang.
7. Menggalakkan orang membaca dan berdoa dengan Kitab Suci setiap hari, terutama melalui amalan *lectio divina*.

Komisi Alkitab Sewilayah ingin mengucapkan terima kasih atas segala usaha ramai orang yang berdedikasi dari semua peringkat umur, orang awam, religius, dan paderi, yang telah banyak menyumbang kepada peningkatan celik Alkitab dan cinta akan Firman Tuhan di wilayah kita. Tanpa kerjasama anda dan sumbangan tanpa mementingkan diri, kemajuan yang dicapai setakat ini tidak mungkin dapat dicapai. Marilah kita bersama-sama berkomitmen semula agar niat Paus Fransiskus dapat dicapai dengan lebih meluas: "*Semoga hari Minggu Firman Tuhan menolong umat-Nya untuk bertumbuh dalam keimanan dan keakraban yang jitu dengan Kitab Suci*" (*Aperuit Illis*, §15).

Dikeluarkan oleh:

Komisi Alkitab Sewilayah

Konferensi Para Uskup Katolik Singapura, Malaysia dan Brunei

Perayaan Sto. Hieronimus

30 September 2020.

Rujukan:

Apostolic Letter issued "Motu Proprio" by the Supreme Pontiff Francis: "Aperuit Illis" (Instituting the Sunday of the Word of God) on 30/09/2019.

http://www.vatican.va/content/francesco/en/motu_proprio/documents/papa-francesco-motu-proprio-20190930_aperuit-llis.html

Singapore Archdiocese Bible Apostolate: <http://biblicalapostolate.wordpress.com/>

Kuala Lumpur Archdiocese Bible Apostolate: <http://myklaba.org/>